



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI  
JABATAN STANDARD MALAYSIA

## **UCAPAN**

**EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI**

**KETUA PENGARAH**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**MAJLIS PERASMIAN HARI SUKAN NEGARA 2022 PERINGKAT**

**JABATAN STANDARD MALAYSIA**

**6 OKTOBER 2022**

**DEWAN MENARA CYBER AXIS**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Sejahtera.

Keluarga JSM,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kasih dan kurnia-Nya jua, kita dapat bersama-sama berkumpul pada hari ini untuk meraikan Hari Sukan Negara peringkat JSM.

Hari Sukan Negara merupakan hari yang diilhamkan sebagai hari ikonik tahunan bagi rakyat Malaysia. Saya percaya, hari ini tentunya dinantikan oleh semua kerana pada kebiasaannya pelbagai aktiviti dan acara sukan akan diadakan dengan penuh meriah di seluruh negara.

Hari Sukan Negara telah diisytiharkan pada hari Sabtu ke-2 bulan Oktober setiap tahun. Kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif dalam mentransformasikan Malaysia kepada negara yang bersukan dan sehingga menjadi satu budaya hidup.

Hari Sukan Negara bertujuan untuk merealisasikan hasrat dan inspirasi Kementerian Belia dan Sukan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang mempunyai rakyat yang sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat.

Keluarga JSM,

Terima kasih kepada Kelab Sukan dan Kebajikan dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pengurusan kerana telah berjaya menganjurkan majlis pada hari ini secara satu Jabatan. Saya masih ingat lagi pada tahun 2021, kita sambut secara berasingan mengikut Bahagian bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19. Semoga sambutan seperti tahun ini dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang.

Selain itu juga, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Standard Sedunia yang disambut setiap 14 Oktober. Tema pada tahun ini adalah "*Shared Vision for A Better World*". Input Hari Standard Sedunia juga telah kita masukkan dalam ucapan YB Menteri Kanan di MITI Day 2022.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menggalakkan kehadiran semua warga JSM bersama keluarga ke MITI Day yang akan diadakan pada 16 Oktober nanti di Kawasan parkir Melawati Mall, Kuala Lumpur. Pelbagai aktiviti menarik seperti pameran kerjaya, saringan kesihatan, *fun run, fun ride, auto show, food truck*, booth pameran termasuk selebriti dan cabutan bertuah (sebuah kereta Perodua dijangka menjadi hadiah utama!).

Akhir kata, dengan lafaz BismillahirRahmanirRahim saya merasmikan Sambutan Hari Sukan Negara 2022 Peringkat Jabatan Standard Malaysia.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.